

Cermat dalam urusan dunia

Berhati-hati tangani masalah, elak lakukan penganiayaan rugikan ummah

Berjimat cermat dalam urusan dunia adalah keutamaan setiap warga Muslim yang merdeka, supaya setiap tindak tanduk kembali menguntungkan kita. Berjimat cermat ialah mempergunakan sesuatu dengan berhati-hati, penuh teliti dan bijaksana termasuklah wang, masa serta peluang.

Saranan supaya sentiasa cermat dalam segala urusan bukan bermaksud manusia mesti bakhil dengan apa yang mereka ada tetapi berhati-hati tidak menjadikan manfaat sebagai mudarat. Allah SWT menyuruh kita memanfaatkan apa yang ada sekadar perlu dan meninggalkan keinginan terlampau.

Elak tertipu dengan duniawi

Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dengan kemungkinan berlakunya pembaziran, termasuklah darah dan nyawa. Justeru, jika perlu melakukan apa juga tindakan, keutamaannya ialah untuk mengelakkan berlakunya lebihan yang tidak perlu.

Termasuk dalam urusan mempertahankan nyawa dan harta benda yang diceroboh orang lain. Nabi Muhammad SAW bersabda: "Maka bergembiralah dan berharaplah terhadap apa yang mudah

bagimu. Demi Allah, bukanlah kefikiran yang aku khawatirkan atas kamu, tapi aku khawatirkan jika dibentangkan dunia untuk kamu seperti pernah dibentangkan bagi orang sebelum kamu, lantas kamu berlumba-lumba merebutnya, lalu membinasakan kamu seperti mana dulu telah membinasakan mereka." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW sendiri tidak terlalu khuatir jika umat Baginda akan menjadi fakir tetapi Baginda takut jika kita tertipu dengan dunia yang dihiasi isi yang sementara.

Jauhi kesesatan

Semuanya adalah penyebab untuk kita ke neraka dan itulah juga menyebabkan kita ke syurga, jika bijak membuat pilihan. Cermat membelanjakan wang, masa dan peluang adalah keutamaan umat Islam untuk dijadikan contoh supaya mereka sedar moral sekecil itu boleh memberi untung besar kepada agama.

Tentulah umat Islam tidak rela terpedaya kerana mereka telah diberi petunjuk oleh Allah SWT supaya menjauhi kesesatan. Orang yang terpedaya ialah orang yang tidak cermat dalam urusan dunia.

Mereka tidak berjimat jika punya wang, tidak rasa beruntung jika mempunyai masa, tidak berhati-hati apabila

berbicara dan tidak bertindak dengan bijak sewaktu melakukan sesuatu lalu mereka membazirkan semuanya tanpa rasa bersalah.

Membazir amalan syaitan

Rasulullah SAW dan sahabat telah menunjukkan contoh kepada umat Islam tentang amalan berjimat cermat supaya menjadi ikutan hingga ke akhir zaman. Sifat tidak cermat sememangnya patut dijauhi kerana ia adalah amalan syaitan.

Allah berfirman: "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan, sedangkan syaitan itu sangat kufur kepada Rabb-Nya." (Surah Al-Israa', ayat 27)

Alangkah indah jika umat Islam hidup dengan penuh sederhana, harmoni dan saling memahami serta membantu dalam urusan dunia.

Firman Allah SWT: "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan kebahagiaanmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba Allah) seperti mana Allah berbuat baik kepada-

mu (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan." (Surah Al-Qasas, ayat 77)

Mendamakan kedua-dua pihak

Melalui sifat berjimat cermat dalam urusan dunia, umat Islam akan saling memberi manfaat dan bukannya bertelingkah. Bahkan, jika orang Mukmin saling berbalah, yang terbaik ialah dengan mendamaikan kedua-duanya bukan memenangkan salah satunya.

Firman Allah SWT: "Dan jika ada dua golongan daripada orang Mukmin berperang maka damaikanlah antara kedua-duanya. Jika salah satu daripada dua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah; jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berlaku adil." (Surah al-Hujrat, ayat 9)

Seiring dengan usia dunia yang sudah tua ini, sewajarnya kita berusaha dan berlumba membuat kebaikan sesama insan, bukannya bersikap tamak terhadap apa juga yang ada di sekeliling kita, apatah lagi jika sesuatu itu bukan milik kita.

Penulis ialah Penyelaras Unit Penerbitan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



NIK SALIDA
SUHAILA
NIK SALEH

